

## **Pelajar melanggar disiplin sekolah: Kaitan interaksi keluarga terhadap konsep kendiri**

**Rohaya Hashim**

*Sek. Men. Agama Tok Jiring Kuala Terengganu  
21060 Kuala Terengganu*

**Ruhani Mat Min**

*Universiti Malaysia Terengganu*

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti corak interaksi keluarga dalam kalangan pelajar menlanggar disiplin sekolah serta kaitannya dengan konsep kendiri. Pengumpulan data menggunakan satu set soal selidik yang melibatkan maklumat demografi, skala interaksi keluarga dan skala konsep kendiri. Seramai 313 orang pelajar yang terlibat dalam masalah disiplin dari daerah Kuala Terengganu terlibat dalam kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pendidikan ibu dan bapa, pekerjaan ibu dan bapa serta pendapatan keluarga menyumbang dalam perbezaan interaksi keluarga dalam kalangan pelajar yang melanggar disiplin. Dua subskala dalam interaksi keluarga iaitu kefungsian umum serta kejelekitan keluarga menyumbang sebanyak 31.8 peratus terhadap konsep kendiri pelajar melanggar disiplin. Oleh itu, interaksi keluarga khusus kefahaman mengenai peranan masing-masing serta kejelekitan atau keakraban perlu diberi perhatian kerana iaanya mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan konsep kendiri.

**Kata kunci:** *interaksi keluarga; konsep kendiri; pelajar melanggar disiplin sekolah*

### **ABSTRACT**

*This study aim to identify family interaction patterns among the student violates school discipline and its relationship with self-concept. Data were gathered using a set of questionnaires consist of demographic information, family interaction and self-concept. A total of 313 students involved in disciplinary problems from Kuala Terengganu district involved in this study. The finding showed that education and occupation of parents, as well as family income contributed to the differences in family interaction among students who violate discipline. Two of sub-scales of the family interaction, which are the general functionality and the family cohesiveness accounted for 31.8 percent of the students' self-concept. Therefore, family interaction, especially understanding of their roles as well as cohesiveness should be considered seriously because it has a significant influence on the formation of self-concept.*

**Keywords:** *family interaction; self concept; students violation of school discipline*

## **Pengenalan**

Pelajar yang mempunyai masalah disiplin bermaksud pelajar yang terlibat dalam tingkah laku yang kurang menepati nilai pegangan masyarakat. Contoh-contoh tingkah laku yang kurang menepati nilai pegangan masyarakat atau tingkah laku melanggar disiplin adalah melibatkan tingkah laku jenayah, lucah, tidak mementingkan masa, kurang sopan dan biadap, musnah, tidak jujur, ponteng, kenakalan (Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, 2007). Pada tahun 2007, Kementerian Pelajaran Malaysia mengenal pasti seramai 76,300 orang pelajar atau 1.09 % daripada 7 juta orang pelajar di negara ini terabit dengan masalah disiplin. Azizi et al. (2007) melaporkan bahawa pada tahun 2003 terdapat sebanyak 456 buah sekolah berada dalam perhatian polis kerana kegiatan samseng dan jenayah lain. Laporan Persidangan Dewan Rakyat (2007) menyatakan hampir 70 % pelajar yang dikenakan hukuman buang sekolah didapati melakukan kesalahan ponteng sekolah di mana sejak 2003 hingga 2007, dan seramai 21,011 orang pelajar sekolah rendah dan menengah dikenakan hukuman buang sekolah kerana terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah. Negeri Terengganu tidak terkecuali dengan fenomena yang semakin membimbangkan ini. Pada tahun 2006, terdapat sebanyak 4527 kes disiplin di Terengganu.

Berkaitan dengan pelajar melanggar disiplin sekolah, Abd. Rahim et al. (2006) mengatakan walaupun terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perlakuan pelajar remaja melakukan salah laku disiplin, namun didapati kebanyakan remaja yang bermasalah datang daripada keluarga yang juga bermasalah. Selaras dengan ini, Rohany dan Fatimah (2006) juga mengaitkan fenomena pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar remaja dengan keadaan sistem keluarga yang tidak dapat berfungsi dengan baik sedangkan institusi keluarga menyediakan sistem sosialisasi yang terawal dan terpenting kepada pembentukan corak tingkah laku remaja.

Kajian ini bertujuan mengkaji interaksi keluarga yang dialami oleh pelajar yang melanggar disiplin sekolah serta sumbangan setiap subskala interaksi keluarga terhadap konsep kendiri pelajar berkenaan. Penulisan ini disusun dengan kupasan literatur pada interaksi keluarga dan konsep kendiri. Seterusnya, metodologi yang digunakan dalam kajian ini dibincangkan. Akhir sekali diikuti dengan laporan dapatan serta perbincangan mengenai dapatan berkenaan.

## **Tinjauan Literatur**

### *Interaksi keluarga*

Faktor interaksi dalam keluarga termasuk interaksi ibu bapa dengan anak dapat mempengaruhi pembentukan dan perubahan tingkah laku remaja. Cheak (2003) menyatakan bahawa keluarga yang mempunyai komunikasi yang baik dapat menghindari anak daripada perbuatan salah laku disiplin. Barnett (2004) mengatakan tahap interaksi dalam keluarga yang baik sangat diperlukan oleh remaja terutama semasa menghadapi tekanan. Keadaan sedemikian memberikan sokongan emosi kepada remaja berkenaan seterusnya akan menghindarkan mereka dari melakukan perbuatan salah laku. Dapatan kajian Azaman (2003) menunjukkan kesepadan dalam keluarga akan menjauahkan kecenderungan remaja untuk terlibat dalam perbuatan salah laku. Selaras dengan ini, Melati et al. (2009) mendapati kefungsian keluarga yang sihat menyumbangkan kepada perkembangan autonomi kendiri dalam kalangan ahli keluarganya.

Interaksi keluarga adalah penting kepada remaja atau pelajar sekolah. Kurangnya pengalaman bermakna dalam interaksi keluarga mampu mendorong remaja kepada perkara yang lebih serius. Rohany dan Fatimah (2006) menyatakan bahawa remaja yang berada dalam keluarga yang kucir kacir biasanya akan mudah berasa kecewa dan memendam perasaan. Dalam keadaan yang lebih terdesak, perasaan kecewa itu boleh diterjemahkan ke dalam bentuk tingkah laku yang negatif seperti terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral, menyalahguna dadah serta lari dari rumah. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa remaja yang melakukan pelanggaran disiplin dan seterusnya bertingkah laku delinkuen berkemungkinan menjadi penjenayah apabila dewasa (Sampson dan Laub, 1990).

Corak interaksi keluarga (Barnett, 2004), kesepaduan dalam keluarga (Azaman, 2003) kefungsian yang baik dalam keluarga (Melati et al., 2009) menyumbangkan kepada tingkahlaku pelajar. Dengan kata lain, pelajar yang terlibat dalam masalah disiplin tidak berpuashati dengan pengalaman yang dilaluinya bersama keluarga.

### ***Konsep kendiri***

Pengalaman interaksi bersama keluarga akan menyumbang kepada pembentukan konsep kendiri individu. Menurut Ingersoll (1989), pola-pola kawalan dan sokongan emosi yang diberikan oleh ibu bapa membawa impak yang signifikan dalam pembentukan konsep kendiri remaja. Disamping itu, konsep kendiri seseorang remaja berkait rapat dengan persepsi yang dihasilkan daripada pengalamannya termasuk peneguhan daripada persekitaran dan orang-orang yang penting dalam hidup mereka seperti ibu, bapa dan ahli keluarga yang lain (Rogers, 1959).

Berkaitan dengan ini, zaman persekolahan atau remaja merupakan dunia yang mencabar. Pada waktu berkenaan, pelajar sekolah atau remaja akan terdedah kepada pelbagai cabaran yang melibatkan pengalaman baru, rakan-rakan yang ramai, serta maklumat mengenai perkara semasa yang pelbagai. Sebagai seorang individu, mereka perlu memilih pengalaman serta rakan yang bersesuaian dengan diri. Tetapi tanpa disedari, sebenarnya remaja dan pelajar sekolah kadang kala tidak dilatih untuk memilih pengalaman dan rakan yang bersesuaian dengan diri mereka. Apabila mereka memilih pengalaman dan rakan yang tidak bersesuaian dengan diri, maka wujudlah tekanan. Berkaitan dengan ini, Barnett (2004), menyatakan bahawa tahap interaksi dalam keluarga yang baik sangat diperlukan oleh remaja terutama semasa menghadapi tekanan. Keadaan sedemikian memberikan sokongan emosi kepada remaja berkenaan dan seterusnya akan membantu remaja berkenaan membentuk konsep kendiri yang positif yang akan menghindarkan mereka dari melakukan perbuatan salah laku.

Sesetengah remaja atau pelajar sekolah tidak berupaya memilih pengalaman dan rakan yang bersesuaian dengan diri masing-masing. Bachanas dan Kaslow (2001), menyatakan bahawa perbuatan remaja yang melanggar disiplin menggambarkan ketidakupayaan mereka mengatasi masalah atau tekanan seperti tekanan sosial, psikologikal, ekonomi dan juga bentuk interaksi dalam keluarga yang boleh mewujudkan pandangan negatif tentang diri mereka sendiri. Faktor-faktor tersebut boleh memberi pengaruh tertentu terhadap pembentukan konsep kendiri remaja berkenaan.

Rogers (1951) mengatakan bahawa manusia membuat persepsi terhadap sesuatu objek dan pengalaman serta memberi makna kepada objek dan pengalaman tersebut. Persepsi ini lahir bersama

nilai yang dipelajari berdasarkan pengalamannya. Misalnya pengalaman yang menyeronokkan akan dilihat sebagai sesuatu yang positif dan pengalaman yang tidak menyeronokkan pula dilihat sebagai sesuatu yang negatif. Disamping itu juga, manusia amat memerlukan perhatian positif seperti rasa disayangi, disukai, dihormati, disanjung dan diterima oleh orang lain, termasuklah ahli keluarganya.

Menurut Maslow (1968), setiap manusia mempunyai keperluan yang sedia ada dalam dirinya. Seterusnya, beliau mencadangkan hierarki keperluan, dan terdapat lima peringkat keperluan dalam diri individu. Berkaitan dengan perhatian positif yang dinyatakan di atas, Maslow menyatakan bahawa pada tahap ketiga adalah peringkat di mana manusia membina hubungan yang bermakna dengan orang lain. Pada tahap ini manusia memenuhi keperluan disayangi dan menyayangi serta mempunyai dan dipunyai. Merujuk kepada interaksi dalam keluarga, pengalaman yang positif dan mesra akan menyumbangkan kepada hubungan yang bermakna dengan orang lain, seterusnya memainkan peranan penting dalam pembentukan konsep kendiri individu.

Masalah disiplin pelajar sekolah makin membimbangkan (Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, 2007; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007; Laporan Persidangan Dewan Rakyat, 2007). Berkaitan dengan ini, tingkah laku pelajar sekolah atau remaja adalah gambaran pengalaman yang dilalui bersama keluarga (Barnett, 2004; Azaman, 2003). Pengalaman interaksi bersama keluarga mempunyai kaitan dengan konsep kendiri individu (Rogers, 1959) dan kegagalan pengalaman yang baik dalam interaksi keluarga menyumbang kepada tingkah laku negatif (Bachanas dan Kaslow, 2001). Disamping itu, Rogers (1951) dan Maslow (1968) menyarankan perlukannya hubungan yang positif bersama keluarga dan orang lain dalam perkembangan individu. Oleh itu, persoalannya, bagaimana manakah pengalaman interaksi keluarga dan konsep kendiri pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin di sekolah?

### **Metodologi**

Kajian korelasi yang dijalankan bertujuan untuk mengetahui interaksi keluarga dan konsep kendiri dalam kalangan pelajar-pelajar yang melanggar disiplin sekolah di Kuala Terengganu. Lokasi kajian ialah di enam belas buah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu yang melaporkan jumlah kes salah laku pelajar yang tertinggi. Daerah Kuala Terengganu dipilih oleh pengkaji berdasarkan Laporan Jumlah Kes Salah Laku Pelajar Sekolah Menengah Mengikut Daerah di Negeri Terengganu (1 April 2005 hingga 31 Ogos 2006) oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu (2007). Menurut laporan tersebut, jumlah kes pelanggaran disiplin sekolah menengah di Kuala Terengganu adalah paling tinggi iaitu sebanyak 1,741 kes berbanding daerah-daerah lain.

Seramai 313 orang pelajar terlibat sebagai sampel kajian, terdiri daripada 29 orang pelajar perempuan dan 284 pelajar lelaki. Pemilihan sampel adalah secara kaedah rawak berlapis secara kuota berdasarkan bilangan pelajar tingkatan empat yang pernah melanggar disiplin mengikut sekolah yang terlibat.

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set soal selidik yang terdiri daripada maklumat demografi, Skala Konsep Kendiri dan Skala Interaksi Keluarga. Skala Konsep Kendiri adalah asalnya telah dibentuk oleh Chiam (1976) dan diubahsuai oleh Lily Mastura (1995) berdasarkan "Tennessee Self-Concept Scale". Manakala Skala Interaksi Keluarga asalnya juga dibentuk oleh Lily Mastura (1995) berdasarkan Teori Pemusatan Insan oleh Rogers (1951).

Terdapat empat subskala dalam Skala Interaksi Keluarga iaitu Kefungsian Umum Keluarga, Kejelekitan Dalam Keluarga, Komunikasi Dalam Keluarga, dan Sistem Peraturan Keluarga. Dalam kajian ini, kedua-dua Skala Konsep Kendiri dan Skala Interaksi Keluarga adalah versi yang diubah suai oleh pengkaji. Pengkaji telah mengurangkan bilangan item yang perlu dijawab dalam kedua-dua skala berkenaan agar lebih sesuai dengan tahap keupayaan menjawab dan daya tumpuan responden yang merupakan pelajar salah laku disiplin di tingkatan empat. Pengurangan ini amat sesuai kerana remaja yang melakukan perbuatan salah laku kebiasaannya tidak boleh duduk diam dalam tempoh yang agak lama, sentiasa resah dan kurang berupaya mematuhi peraturan (Muhd Mansur dan Siti Nurdinar, 1988).

Bagi tujuan kebolehpercayaan set soal selidik yang digunakan, dua peringkat kajian dijalankan. Versi asal Skala Konsep Kendiri dan Skala Interaksi Keluarga telah digunakan dalam kajian rintis pertama. Seramai 40 orang pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah di Kuala Terengganu terlibat dalam kajian rintis ini. Pekali alpha bagi Skala Konsep Kendiri adalah 0.89. Seterusnya dengan menggunakan kaedah statistik analisis faktor bilangan item yang perlu dijawab dalam soal selidik ini telah kurangkan dari 50 item kepada 23 item. Pekali alpha bagi Skala Interaksi Keluarga adalah 0.96. Seterusnya dengan menggunakan kaedah statistik analisis faktor bilangan item yang perlu dijawab dalam Skala Interaksi Keluarga ini dikurangkan dari 82 item kepada 27 item. Proses pengurangan item dengan kaedah statistik analisis faktor dilakukan sebagaimana dicadangkan oleh Field (2003). Beliau mengesyorkan bahawa item yang sesuai dipilih dalam proses mengurangkan jumlah item sesuatu soal selidik ialah item yang mempunyai nilai '*communalities after extraction*' sebanyak 0.6 atau melebihi 0.6.

Pengkaji telah menjalankan kajian rintis kedua bagi menguji kebolehpercayaan set soal selidik yang digunakan. Seramai 40 orang pelajar tingkatan 4 yang berlainan dari subjek kajian rintis pertama dari sebuah sekolah menengah berlainan di Kuala Terengganu mengambil bahagian dalam kajian rintis kedua. Skala Interaksi Keluarga yang telah diubahsuai ini terdiri daripada 27 item dengan empat subskala iaitu kefungsian umum keluarga, kejelekitan dalam keluarga, komunikasi dalam keluarga dan peraturan dalam keluarga. Pekali kebolehpercayaan Skala Interaksi Keluarga adalah 0.85, dan pekali kebolehpercayaan Skala Konsep Kendiri adalah 0.88.

### **Dapatan kajian**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang melanggar disiplin sekolah datang daripada latar belakang keluarga yang berbeza, khususnya pekerjaan bapa, pekerjaan ibu, pendidikan bapa, pendidikan ibu, pendapatan keluarga serta bilangan adik beradik.

Wujudnya perbezaan interaksi keluarga dalam kalangan pelajar yang melanggar disiplin sekolah mengikut pekerjaan bapa. Jadual 1 menunjukkan min interaksi keluarga berkenaan. Min interaksi ini menggambarkan semakin tinggi nilai min, semakin banyak interaksi yang berlaku dalam keluarga berkenaan. Kajian menunjukkan kumpulan kerajaan/ badan berkanun mempunyai min yang paling tinggi iaitu 2.91. Ini diikuti oleh kategori lain-lain di mana minnya ialah 2.85, kategori swasta adalah 2.83, kategori petani adalah 2.81, kategori tidak bekerja adalah 2.76, kategori profesional adalah 2.70, kategori buruh adalah 2.67 dan kategori pesara adalah 2.63. Kategori nelayan pula mempunyai nilai min yang terendah iaitu 2.61. Perbezaan interaksi keluarga adalah signifikan, di mana  $F(8, 304) = .002$ ,  $p<0.05$ . Dapatan ini menunjukkan bahawa pekerjaan

bapa memainkan peranan yang signifikan terhadap perbezaan interaksi dalam keluarga pelajar berkenaan (rujuk Jadual 1 dan 2).

**Jadual 1 : Min bagi Interaksi Dalam Keluarga Responden Mengikut Pekerjaan Bapa**

Pekerjaan Bapa	Min	Bilangan (N)
Kerajaan/ Badan Berkanun	2.9102	66
Swasta	2.8254	16
Profesional	2.7014	65
Petani	2.8148	5
Nelayan	2.6068	13
Buruh	2.6706	84
Pesara	2.6257	19
Tidak Bekerja	2.7601	23
Lain-lain	2.8538	22

**Jadual 2 : ANOVA bagi Interaksi Dalam Keluarga Mengikut Pekerjaan Bapa**

	Jumlah kuasa dua	dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan ( <i>Between Groups</i> )	3.287	8	.411	3.175	.002
Dalam kumpulan ( <i>Within Groups</i> )	39.344	304	.129		
Jumlah	42.631	312			

Seterus data dianalisa dengan ujian *Post-Hoc* ANOVA Scheffe, hanya pasangan kategori kerajaan/ badan berkanun dan buruh sahaja yang kelihatan mempunyai perbezaan min interaksi dalam keluarga yang signifikan, nilai signifikannya iaitu 0.041.

Perbandingan min interaksi dalam keluarga mengikut pekerjaan ibu turut menunjukkan terdapat perbezaan. Didapati kategori pesara mempunyai min yang paling tinggi iaitu 3.30. Seterusnya, diikuti oleh kategori lain-lain di mana minnya ialah 2.98, kategori profesional adalah 2.88, kategori kerajaan/ badan berkanun adalah 2.82, kategori petani adalah 2.78, kategori tidak bekerja adalah 2.71 dan kategori buruh adalah 2.69. Kategori swasta pula mempunyai nilai min yang terendah iaitu 2.68. Perbezaan nilai min interaksi ini adalah signifikan, di mana  $F(7, 305) = .013$ ,  $p < 0.05$ . Keadaan ini menunjukkan bahawa pekerjaan ibu memainkan peranan yang signifikan terhadap perbezaan interaksi keluarga yang dialami oleh pelajar melanggar disiplin sekolah (rujuk Jadual 3 dan 4). Walaupun begitu, setelah ujian *Post-Hoc* ANOVA Scheffe dilakukan, didapati tiada pasangan kategori yang berbeza secara signifikan.

**Jadual 3 :** Min bagi Interaksi Dalam Keluarga Responden Mengikut Pekerjaan Ibu

Pekerjaan Ibu	Min	Bilangan (N)
Kerajaan/ Badan Berkanun	2.8247	30
Swasta	2.6825	7
Profesional	2.8779	27
Petani	2.7778	2
Buruh	2.6852	2
Pesara	3.2963	1
Tidak Bekerja	2.7074	225
Lain-lain	2.9844	19

**Jadual 4 :** ANOVA bagi Interaksi Dalam Keluarga Mengikut Pekerjaan Ibu

	Jumlah kuasa dua	Dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan <i>(Between Groups)</i>	2.400	7	.343	2.599	.013
Dalam kumpulan <i>(Within Groups)</i>	40.231	305	.132		
Jumlah	42.631	312			

Kumpulan pelajar melanggar disiplin sekolah juga mempunyai min interaksi keluarga berbeza mengikut pendidikan bapa. Dapatkan kajian menunjukkan kategori ijazah mempunyai min yang paling tinggi iaitu 3.09. Seterusnya, diikuti oleh kategori diploma, minnya ialah 2.89, kategori sekolah rendah adalah 2.85, kategori sijil adalah 2.74 dan kategori sekolah menengah adalah 2.68. Kategori tidak bersekolah pula mempunyai nilai min yang terendah iaitu adalah 2.65. Perbezaan nilai min interaksi ini adalah signifikan, di mana  $F(5, 307) = .001$ ,  $p<0.05$ . Keadaan ini menggambarkan pendidikan bapa memainkan peranan yang signifikan terhadap perbezaan interaksi dalam keluarga pelajar sampel kajian (rujuk Jadual 5 & 6). Setelah ujian *Post-Hoc* ANOVA Scheffe dilakukan, hanya pasangan kategori sekolah menengah dan ijazah sahaja yang mempunyai perbezaan min interaksi dalam keluarga yang signifikan, nilai signifikannya adalah 0.050.

**Jadual 5 :** Min bagi Interaksi Dalam Keluarga Responden Mengikut Pendidikan Bapa

Pendidikan Bapa	Min	Bilangan (N)
Tidak Bersekolah	2.6532	11
Sekolah Rendah	2.8463	75
Sekolah Menengah	2.6820	151
Sijil	2.7387	52
Diploma	2.8938	15
Ijazah	3.0947	9

**Jadual 6 : ANOVA bagi Interaksi Dalam Keluarga Mengikut Pendidikan Bapa**

	Jumlah kuasa dua	dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan <i>(Between Groups)</i>	2.881	5	.576	4.451	.001
Dalam kumpulan <i>(Within Groups)</i>	39.750	307	.129		
Jumlah	42.631	312			

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan wujud perbezaan min interaksi dalam keluarga mengikut pendidikan ibu. Didapati kategori ijazah mempunyai min yang paling tinggi iaitu 2.9630. Ini diikuti oleh kategori sekolah rendah di mana minnya ialah 2.8469, kategori sijil adalah 2.80, kategori sekolah menengah adalah 2.71 dan tidak bersekolah adalah 2.66. Kategori diploma pula mempunyai nilai min yang terendah iaitu 2.51. Perbezaan nilai min ini adalah signifikan, di mana  $F(5, 307) = .007$ ,  $p < 0.05$ . Keadaan ini menggambarkan pendidikan ibu memainkan peranan yang signifikan terhadap perbezaan interaksi dalam keluarga pelajar sampel kajian (rujuk Jadual 7 dan 8). Setelah ujian *Post-Hoc ANOVA Scheffe* dilakukan, didapati tiada pasangan kategori yang berbeza secara signifikan.

**Jadual 7 : Min bagi Interaksi Dalam Keluarga Responden Mengikut Pendidikan Ibu**

Pendidikan Ibu	Min	Bilangan (N)
Tidak Bersekolah	2.6605	12
Sekolah Rendah	2.8469	76
Sekolah Menengah	2.7125	161
Sijil	2.7973	45
Diploma	2.5128	13
Ijazah	Ijazah	6

**Jadual 8 : ANOVA bagi Interaksi Dalam Keluarga Mengikut Pendidikan Ibu**

	Jumlah kuasa dua	dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan <i>(Between Groups)</i>	2.139	5	.428	3.244	.007
Dalam kumpulan <i>(Within Groups)</i>	40.492	307	.132		
Jumlah	42.631	312			

Seterusnya, min interaksi keluarga juga berbeza mengikut pendapatan keluarga. Kumpulan berpendapatan lebih daripada RM 1500 mempunyai min yang paling tinggi iaitu 2.9479. Diikuti dengan kategori RM 1001 - RM 1500 di mana minnya ialah 2.9426, kategori RM 701 - RM 1000 adalah 2.7872 dan kategori RM 501 - RM 700 adalah 2.7066. Kategori kurang dari RM 500 pula mempunyai nilai min yang terendah iaitu 2.69. Perbezaan nilai min interaksi ini adalah signifikan, di mana  $F(4, 308) = .000$ ,  $p < 0.05$ . Ini bermakna pendapatan keluarga memainkan peranan yang signifikan terhadap perbezaan interaksi dalam keluarga pelajar sampel kajian (rujuk Jadual 9 dan 10).

**Jadual 9 :** Min bagi Interaksi Dalam Keluarga Responden Mengikut Pendapatan Keluarga

Pendapatan Keluarga	Min	Bilangan (N)
Kurang dari RM 470	2.6868	139
RM 470 - RM 734	2.7066	72
RM 735 - RM 1000	2.7872	47
RM 1001 – RM 1500	2.9426	28
Lebih daripada RM 1500	2.9479	27

**Jadual 10 :** ANOVA bagi Interaksi Dalam Keluarga Mengikut Pendapatan Keluarga

	Jumlah kuasa dua	Dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan ( <i>Between Groups</i> )	2.851	4	.713	5.518	.000
Dalam kumpulan ( <i>Within Groups</i> )	39.780	308	.129		
Jumlah	42.631	312			

Ujian *Post-Hoc Scheffe* dijalankan bagi mengenalpasti kumpulan yang berbeza. Dapatan kajian menunjukkan dua pasangan kategori berbeza secara signifikan, pertama, pasangan kategori kurang dari RM 470 dan kategori RM 1001 – RM 1500 mempunyai perbezaan min interaksi dalam keluarga yang signifikan. Kedua, pasangan kategori kurang dari RM 470 dan kategori lebih daripada RM 1500 juga mempunyai perbezaan min interaksi dalam keluarga yang signifikan.

### Korelasi antara Interaksi Keluarga dan Konsep Kendiri

Dapatan kajian menunjukkan korelasi yang sederhana antara interaksi dalam keluarga dan konsep kendiri di mana  $r = .545$  atau  $.55$  (lihat Jadual 17). Seterusnya, wujud korelasi yang sederhana antara konsep kendiri dengan subskala dalam Interaksi Keluarga (Jadual 18), iaitu Kefungsian Umum Keluarga ( $r = .60$ ). Manakala korelasi konsep kendiri dengan subskala lain dalam lemah, Kejelekitan Dalam Keluarga (.47), Komunikasi Dalam Keluarga ( $r = .34$ ), dan Sistem Peraturan Keluarga ( $r = .44$ ). Korelasi berkenaan adalah sederhana dan lemah, tetapi iaanya signifikan di antara konsep kendiri dan subskala sistem peraturan keluarga pelajar yang melanggar disiplin sekolah. Semua korelasi tersebut adalah signifikan pada  $p < 0.01$ .

**Jadual 11 :** Korelasi bagi Hubungan antara Interaksi Dalam Keluarga dengan Konsep Kendiri

		Interaksi dalam Keluarga		Konsep Kendiri
<b>Interaksi dalam Keluarga</b>	Pearson Correlation	1		.545**
	Sig. (2-tailed)	.		.000
	N	313		313
<b>Konsep Kendiri</b>	Pearson Correlation	.545**	1	
	Sig. (2-tailed)	.000	.	
	N	313	313	

\*\*Korelasi adalah signifikan pada  $p < .05$ .

**Jadual 12 :** Korelasi bagi Hubungan antara Subskala Interaksi Dalam Keluarga dengan Konsep Kendiri

		Konsep Kendiri Pelajar	Kefungsian Umum Keluarga	Kejelekitan Dalam Keluarga	Komunikasi Dalam Keluarga	Sistem Peraturan Keluarga
Konsep Kendiri	Korelasi	1	.596**	.473**	.344**	.439**
Pelajar	Pearson	.	.000	.000	.000	.000
	Sig. (2 tailed)	313	313	313	313	313
	N					
Kefungsian Umum Keluarga	Korelasi	.596**	1	.534***	.491**	.592**
	Pearson	.000	.	.000	.000	.000
	Sig. (2 tailed)	313	313	313	313	313
	N					
Kejelekitan Dalam Keluarga	Korelasi	.473**	.534**	1	.595**	.611**
	Pearson	.000	.000	.	.000	.000
	Sig. (2 tailed)	313	313	313	313	313
	N					
Komunikasi Dalam Keluarga	Korelasi	.344**	.491**	.595**	1	.642**
	Pearson	.000	.000	.000	.	.000
	Sig. (2 tailed)	313	313	313	313	313
	N					
<b>Sistem Peraturan Keluarga</b>	Korelasi	.439**	.592**	.611**	.642**	1
	Pearson	.000	.000	.000	.000	.
	Sig. (2 tailed)	313	313	313	313	313
	N					

\*\*Korelasi adalah signifikan pada  $p < 0.01$  (2-tailed).

Seterusnya, analisa regresi telah digunakan untuk melihat sumbangan empat subskala Interaksi Keluarga iaitu kefungsian umum keluarga, kejelekitan dalam keluarga, komunikasi dalam keluarga dan sistem peraturan dalam keluarga kepada konsep kendiri. Hasil analisis ke atas  $R^2$  yang bernilai 0.318, menunjukkan persamaan regresi yang dibentuk daripada empat subskala telah berjaya menyumbang sebanyak 31.8 peratus penerangannya ke atas konsep kendiri pelajar yang dikaji (Jadual 18).

Daripada semua faktor yang digunakan untuk menganggarkan pengaruh masing-masing ke atas konsep kendiri responden, dua faktor iaitu kefungsian umum keluarga dan kejelekitan dalam keluarga menyumbang secara positif serta mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap konsep kendiri pelajar yang dikaji pada paras 0.01. Kefungsian umum keluarga mempunyai pengaruh yang paling kuat pengaruhnya ke atas konsep kendiri pelajar yang dikaji dengan koefisien beta (0.425,  $p < .001$ ). Koefisien beta faktor lain yang juga berpengaruh secara signifikan ke atas konsep kendiri pelajar yang dikaji ialah kejelekitan dalam keluarga (0.129,  $p < .001$ ).

**Jadual 13 :** Analisis Regresi Menunjukkan Sumbangan Subskala Interaksi Keluarga Terhadap Konsep Kendiri.

Variabel	Beta	Sig.
Kefungsian umum dalam keluarga	0.425*	.000
Kejelekitan dalam keluarga	0.129*	.000
Komunikasi dalam keluarga	0.049	0.176
Sistem peraturan dalam keluarga	0.014	0.772

N = 313

$R^2$  = 0.318  
 Adjusted  $R^2$  = 0.309  
 F Change = 35.852  
 Sig F Change = .000

\*  $p < .005$

### Perbincangan

Pekerjaan ibu dan bapa, pendidikan ibu dan bapa serta pendapatan keluarga memainkan peranan penting terhadap perbezaan interaksi dalam keluarga pelajar melanggar disiplin sekolah. Ketiga-tiga perkara iaitu pendidikan, pekerjaan serta pendapatan ibu bapa adalah saling berkaitan dalam membentuk interaksi keluarga.

Pendidikan ibu dan bapa memainkan peranan yang signifikan terhadap perbezaan interaksi dalam keluarga pelajar menghadapi masalah disiplin. Dapatan kajian ini dapatkan Che Hasniza (2004) bahawa pendidikan ibu dan bapa memainkan peranan yang signifikan terhadap komunikasi dalam keluarga pelajar. Beliau mendapati keluarga yang mempunyai ibu bapa berpendidikan tinggi biasanya menggunakan pola komunikasi keluarga yang lebih baik

berbanding dengan keluarga yang diketuai ibu bapa yang berpendidikan rendah. Eaves (2007) menjelaskan keadaan ini adalah kerana semakin berpendidikan ibu bapa maka semakin berkurangan penegasan kuasa di mana ibu bapa lebih menggalakkan interaksi yang lebih terbuka dalam keluarga.

Merujuk kepada dapatan kajian ini, semakin tinggi pendidikan ibu dan bapa, interaksi keluarga adalah semakin baik. Keadaan menggambarkan ibu bapa yang mempunyai pendidikan yang lebih tinggi akan mempraktiskan cara interaksi keluarga yang menyumbang kepada kepuasan anak-anaknya. Kemungkinan besar ibu dan bapa yang mempunyai pendidikan yang lebih tinggi akan sentiasa berusaha mempraktis interaksi keluarga yang bermanfaat kepada ahli keluarganya. Pendidikan yang baik juga berkemungkinan mendedahkan ibu bapa berkenaan kepada lebih banyak pengetahuan sama ada menerusi pembacaan, perbincangan dengan rakan ataupun latihan yang bersesuaian, mengenai cara membentuk interaksi keluarga yang baik.

Pendidikan ibu dan bapa adalah berkaitan dengan pekerjaan mereka. Wujud kemungkinan besar bahawa ibu dan bapa mempunyai pendidikan yang baik juga akan mempunyai pekerjaan yang baik. Ibu dan bapa yang mempunyai pekerjaan yang baik akan mempraktiskan interaksi keluarga yang mendatangkan kepuasan kepada ahli keluarganya. Seterusnya, pekerjaan ibu dan bapa akan berkaitan dengan pendapatan yang diperolehnya.

Interaksi dalam keluarga akan berlaku dengan baik dan positif jika pendapatan dari pekerjaan ibu dan bapa membolehkan keperluan keluarga dapat dipenuhi dengan baik. Apabila keadaan seperti ini berlaku, situasi di rumah yang tenang dan tidak tegang. Suasana berkenaan akan membolehkan wujudnya interaksi dalam keluarga yang positif. Keluarga yang mempunyai pendapatan yang baik akan mempunyai lebih banyak masa untuk dikongsikan bersama. Berbanding dengan keluarga yang mempunyai pendapatan yang rendah, setengah ibu dan bapa terpaksa melakukan lebih daripada satu pekerjaan agar dapat memenuhi keperluan kewangan keluarga. Seterusnya, keadaan berkenaan akan menyumbang kepada kurangnya masa yang digunakan bersama ahli keluarga. Kurang masa berkenaan akan menghasilkan kurangnya interaksi yang dapat dilakukan bersama dengan ahli. Kurangnya interaksi keluarga boleh menyebabkan sesetengah ahli keluarga tidak dapat memahami keperluan serta kehendak ahli keluarga yang lain. Berkaitan dengan ini, pelajar melanggar disiplin adalah merupakan kelompok individu yang menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri dengan peraturan yang wujud dalam keluarga (Rohany dan Fatimah, 2006).

Seterusnya, interaksi keluarga berkaitan dengan pendapatan keluarga. Berdasarkan ujian *Post-Hoc Scheffe*, didapati pasangan kategori kurang dari RM 470 dan kategori RM 1001 – RM 1500 mempunyai perbezaan min interaksi dalam keluarga yang signifikan. Begitu juga dengan pasangan kategori kurang dari RM 470 dan kategori lebih daripada RM 1500 juga mempunyai perbezaan min interaksi dalam keluarga yang signifikan. Harus diingat di sini bahawa keluarga yang berpendapatan kurang dari RM 470 berada di bawah paras kemiskinan di mana menurut UPEN (2006), paras garis kemiskinan ialah RM 473 sebulan. Adalah wajar untuk menyatakan bahawa ibu dan bapa yang mempunyai pendapatan yang lebih baik dapat melakukan interaksi keluarga yang disenangi oleh ahli keluarganya. Keadaan ini adalah berkaitan dengan hierarki keperluan individu yang diutarakan oleh Maslow (1968). Kewangan keluarga menggambarkan kebolehan ibu dan bapa memenuhi keperluan anak-anaknya. Sekiranya kewangan tidak mencukupi, bagaimanakah ibu dan bapa memenuhi keperluan fisiologi ahli keluarganya? Sekiranya individu tidak dapat memenuhi keperluan fisiologinya, bagaimanakah beliau akan

memenuhi keperluan di peringkat yang seterusnya? Huraian mengenai hierarki keperluan individu akan dibincangkan dalam paragraf seterusnya. Dapatan kajian ini selaras dengan pendapat Azizi (2006) yang mengatakan bahawa interaksi dalam sesebuah keluarga akan berlaku dengan lebih baik jika ekonomi keluarga dalam keadaan stabil. Adalah wajar untuk menyatakan bahawa bahawa kemiskinan boleh menyebabkan ibubapa banyak membiarkan anak-anak bersendirian di rumah kerana mereka lebih mementingkan untuk mencari jalan mendapatkan sumber kewangan.

Dapatan kajian ini juga dapat difahami dengan menggunakan Teori Maslow (1968) serta pandangan Rogers (1951), iaitu setiap manusia memerlukan orang lain dalam memenuhi keperluan dirinya. Berkaitan dengan ini, Teori Maslow menghuraikan keperluan individu dalam bentuk hirarki dan mempunyai keutamaan tertentu. Hanya wujud satu keperluan pada sesuatu masa. Keperluan pertama iaitu tahap fisiologi yang merupakan keperluan asas untuk hidup berjaya dipenuhi, yang meliputi makan, minum, serta pakaian. Setelah keperluan berkenaan dipenuhi, barulah individu berkenaan secara semulajadi akan cuba memenuhi keperluan tahap kedua. Keperluan pada peringkat ini meliputi kestabilan suasana serta bebas dari ancaman. Contoh persekitaran keluarga yang selesa dan hubungan ahli keluarga yang harmoni adalah sebahagian daripada keperluan individu di peringkat kedua. Seterusnya, keperluan peringkat tiga adalah kasih sayang iaitu membina hubungan bermakna dengan orang lain.

Carl Rogers (1959) membincangkan keperluan manusia kepada perhatian positif iaitu kasih sayang, penerimaan tanpa syarat dan perasaan ambil berat oleh orang-orang yang signifikan serta sumbangannya terhadap pembentukan konsep kendiri. Selaras dengan ini, Che Hasniza (2011) mendapati bahawa penghargaan kendiri dalam kalangan ibubapa berkaitan dengan hubungan bersama anak-anak. Tambah beliau, ibubapa yang mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi akan berkomunikasi dengan lebih baik, menggalakkan anak-anak membuat keputusan dan mendorong autonomi dalam kalangan anak-anak. Dengan kata lain, kehadiran ibu bapa serta perhatian yang positif kepada anak membolehkan konsep kendiri seseorang anak itu berkembang dengan baik. Pengalaman dengan kehadiran ibu bapa, perhatian yang positif dan interaksi keluarga yang positif akan dibawa oleh anak-anak ke persekitaran sekolahnya. Pengalaman berkenaan akan menjauhkan anak-anak daripada terlibat dalam aktiviti penyumbang dalam masalah disiplin.

Dapatan kajian juga menunjukkan wujud korelasi di antara interaksi dalam keluarga dan konsep kendiri. Ini menggambarkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan di antara interaksi dalam keluarga dan konsep kendiri di kalangan pelajar yang melanggar disiplin sekolah. Dengan kata lain, interaksi di dalam keluarga boleh mempengaruhi konsep kendiri pelajar-pelajar yang melanggar disiplin. Peningkatan interaksi dalam keluarga pelajar-pelajar yang melanggar disiplin akan meningkatkan lagi konsep kendiri para pelajar berkenaan. Dapatan ini juga telah dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian-kajian lepas tentang kepentingan interaksi dalam keluarga terhadap pembentukan konsep kendiri anak-anak. Pembentukan konsep kendiri anak adalah berhubung rapat dengan kualiti interaksi dalam keluarga mereka.

Teori Keperluan Hierarki Maslow (1968) dan Rogers (1951) menyatakan kepentingan orang signifikan dalam kehidupan individu. Berkaitan dengan ini, apabila interaksi dalam keluarga berlaku dengan baik, anak-anak akan dapat membina hubungan yang positif juga dengan ahli keluarga. Pengalaman positif bersama ahli keluarga akan dikembangkan seterusnya menyumbang kepada perkembangan konsep kendirinya.

Keputusan kajian ini selaras dengan perbincangan kajian sebelum (Abd. Rahim et al. 2006) yang mengatakan bahawa keluarga yang tidak dapat berfungsi dengan baik dan menyerahkan soal disiplin anak sepenuhnya kepada pihak sekolah boleh mendorong pembentukan konsep kendiri negatif anak berkenaan. Berkaitan dengan ini, keputusan kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian Mizan (2000) yang menunjukkan bahawa anak-anak yang mempunyai ibubapa yang mesra dan rapat akan mempunyai konsep kendiri yang lebih tinggi berbanding dengan anak-anak yang mempunyai ibubapa yang sebaliknya. Juga, dapatan kajian ini menyokong pendapat Abd. Rahim et al. (2006) yang mengatakan bahawa komunikasi yang berkualiti dalam sesebuah keluarga akan membantu meningkatkan konsep kendiri positif seseorang remaja. Juga selaras dengan dapatan kajian Lam dan Mohammad (1999) yang menunjukkan bahawa sokongan ibu bapa dan sistem peraturan dalam keluarga boleh mempengaruhi konsep kendiri remaja.

Dapatan kajian juga menunjukkan menunjukkan terdapat sumbangan subskala interaksi keluarga iaitu kefungsian umum keluarga, kejelekitan dalam keluarga, komunikasi dalam keluarga dan sistem peraturan dalam keluarga terhadap konsep kendiri pelajar-pelajar yang melanggar disiplin sekolah. Ini menggambarkan bahawa interaksi keluarga boleh memberi pengaruh terhadap pembentukan konsep kendiri pelajar. Sumbangan interaksi keluarga, khususnya kefungsian umum keluarga serta kejelekitan dalam keluarga terhadap konsep kendiri pelajar adalah sebanyak 31.8 peratus. Jumlah ini adalah besar. Oleh itu setiap ibu bapa berperanan menghuraikan kefungsian keluarga, yang meliputi dari segi cara ahli keluarga berperanan, kepada anak-anak dengan jelas. Apabila anak-anak jelas peranan masing-masing, mereka tahu perkara yang perlu dilakukan. Berupaya melakukan perkara yang telah diharapkan akan menyumbang kepada keyakinan kepada diri seterusnya membentuk konsep kendiri mereka. Kejelekitan juga mempunyai sumbangan yang signifikan terhadap konsep kendiri. Kejelekitan bermaksud keakraban, yang bermula daripada maklumat yang jelas dengan harapan serta perkara yang boleh dilakukan. Maklumat jelas yang kongsikan bersama antara dua pihak akan menarik minat keduanya untuk saling berhubung. Sikap ingin saling berhubung akan mendorong kepada kejelekitan. Disimpulkan bahawa peranan ibu bapa dan ahli keluarga yang lain sangat penting dalam mewujudkan interaksi keluarga yang berkualiti, seterusnya remaja tidak akan menghadapi masalah semasa di dalam proses pembentukan konsep kendiri dan juga bertingkah laku negatif seperti melanggar disiplin sekolah.

## Kesimpulan

Corak interaksi keluarga harus diberi perhatian serius oleh ibu bapa. Interaksi berkesan serta menyenangkan ahli keluarga perlu digalakkan di dalam keluarga kerana ini akan memudahkan perbincangan apabila timbul sesuatu konflik. Kasih sayang, sikap hormat menghormati, kejelekitan, cara berkomunikasi dan sikap bertanggungjawab serta cara ahli keluarga menjalankan tugas dan peranan masing-masing boleh mempengaruhi kebahagiaan sesebuah keluarga. Keluarga yang bahagia akan membantu remaja membesar dengan lebih baik dan ini membantu ke arah pembentukan nilai peribadi dan konsep kendiri yang positif.

## Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin dan Che Hasniza (2006). *Krisis & Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Azaman Ahmad. (2003). *Hubungan Keluarga dengan Konsep Kendiri dan Risiko Kepada Penagihan Semula Dadah di Kalangan Penagih Dadah Remaja*. Tesis Sarjana Sains yang tidak diterbitkan, Bangi: UKM.
- Azizi Yahaya. (2006). *Psikologi Kognitif*. Skudai : Penerbit UTM.
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli, Abdul Latif Ahmad & Zurhana Muhammad (2007). *Buli*: Skudai : Penerbit UTM.
- Azizi Yahaya, Halimah Ma' alip, Amir Hamzah Abdul dan Sharifudin Ismail. (2002). *Hubungan di Antara Konsep Kendiri Dengan Kemahiran Komunikasi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Di sekolah Menengah Di Johor Bahru*. [http://eprints.utm.my/2403/1/AziziyahayaHubunganKonsepKendiri\\_Dengan\\_Kemahiran\\_Komunikasi.pdf](http://eprints.utm.my/2403/1/AziziyahayaHubunganKonsepKendiri_Dengan_Kemahiran_Komunikasi.pdf). Akses pada 2 Januari 2008.
- Bachanas, P., dan Kaslow, N. (2001). Depressive Disorders. Dalam Hughes, J., Greca, A., dan Conoley, J. *Handbook of psychological services for children and Adolescents*. New York: Oxford University Press.
- Barnett, M. (2004). *A Qualitative Analysis of Family Support and Interaction Among African American College Students at an Ivy League University*. Jurnal of Negro Education. Washinton DC: Howard, 1-16.
- Cheak S. K. (2003). *Hubungan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Motivasi Pencapaian Remaja Ponteng Sekolah*. Tesis Sarjana Sains yang tidak diterbitkan. Serdang. UPM.
- Che Hasniza Che Noh (2011). Hubungan empati dan penghargaan kendiri ibubapa dengan gaya keibubapaan. *Jurnal Kemanusiaan*, 17, ms. 66 – 79.
- Che Hasniza Che Noh (2004). *Hubungan Keluarga dari Aspek Komunikasi dan Gaya Keibubapaan*. [http://www.fppsm.utm.my/jurnalJK8Do6/jk8-chehasniza\\_chenoh.pdf](http://www.fppsm.utm.my/jurnalJK8Do6/jk8-chehasniza_chenoh.pdf). Akses pada 2 Januari 2005.
- Chiam, H. K. (1976). *A Study of the Self-concept of Form Four Students in an Urban Area and Some of Its Correlates*. Thesis (PhD). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan* (Buku 1). Kuala Lumpur : McGraw Hill.
- Donnellan, M. B., K. H. , Robins & Caspi, A . (2005). Low self esteem is related to aggression, antisocial behavior, and delinquency. *Psychological Science*, 16, 328-335.

- Eaves, S. H. (2007). *Attachment Style, Self Esteem and Perceived Peer Norms As Predictors of Sexually Risky Behavior Among 17-24 Year Old College Students* Mississippi State, Mississippi
- Field, Andy. (2003). *Discovering Statistics : Using SPSS for Windows*. London: SAGE Publications.
- Ingersoll, G. M. (1989). *Adolescents* (ed. ke-2). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall, Inc.
- Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu (2007). Unit Hal Ehwal Murid. *Laporan Salahlaku Pelajar-pelajar Sekolah Menengah dan Rendah Negeri Terengganu Tahun 2006*
- Lam, P. L. dan Mohammad Haji Yusuf (1999). *Tingkah laku Keibubapaan dan Penghargaan Kendiri Remaja*. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Serdang. UPM.
- Laporan Persidangan Dewan Rakyat 23 Oktober 2007. *Hampir 70 Peratus Pelajar Ponteng Dikenakan Tindakan Buang Sekolah*. ([http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news\\_lite.php?id=291444](http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=291444)). Akses pada 27 Januari 2008.
- Lily Mastura Hj. Harun (1995). *Dimensions And Types of Malay Family Interaction In Malaysia: A Humanistic Approach*. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. University of Keele, Syanffordshire, England.
- Maslow, A. H. (1968). *Toward a psychology of being* (2nd ed.). New York: Van Nostrand Reinhold.
- Melati Sumari, Gerard Joseph Louis, Megan Ng Swee Sin (2009). Family Interaction Patterns: Relation to Career Beliefs and Career Maturity of College Students. *The International Journal of Research and Review*, 2, pg 1 – 15.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. (2000). *Personality Adjustment in Children as Related to Strict and Friendly Parental Discipline*. Tesis Ph. D yang tidak di terbitkan. Serdang. UPM.
- Muhd Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd Tamin. (1988). *Psikologi Remaja*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rogers, C.R. (1951). *Client Centered Therapy*, Boston: Houghton Mifflin.
- Rogers, C.R. (1959). *A Theory of Therapy, Personality and Interpersonal Relationships as developed in the Client-Centered Framework*, dalam S.Koch, (ed), *Psychology : A Study of Science*. New York: McGraw Hill.
- Rohany Nasir dan Fatimah Omar (2006). *Kesejahteraan Manusia : Perspektif Psikologi*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sampson, R.J. and Laub J.H. (1990). Crime and Deviance over the life course The salience of adult social bond. American Sociological Review, 55(10) : 609-627.

UPEN. (2006). Laporan Tahunan Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Yahaya Mohamed (2003). *Masalah Disiplin: Kajian Kes Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar*. Tesis Sarjana Sains yang tidak diterbitkan. Serdang. UPM.